



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**SENI INSTALASI 3DIMENSI : SEJAUHMANAKAH
PERKEMBANGANNYA DI MALAYSIA**

Siti Hazira Bt Yusof

TP
807
S623
2006

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)
2006

b1133269

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000191658

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 Kota Samarahan

**SENI INSTALASI 3DIMENSI: SEJAUHMANAKAH PERKEMBANGANNYA DI
MALAYSIA**

SITI HAZIRA BT YUSOF

Projek ini merupakan satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
Seni Halus

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2006

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: SENI INSTALASI 3DIMENSI: SEJAUHMANAKAH
PERKEMBANGANNYA DI MALAYSIA

SESI PENGAJIAN : 2003/2006

Saya

SITI HAZIRA BT YUSOF

Mengaku membenarkan tesis/Laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan dimana di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis
Tarikh:

Alamat Tetap:
NO 9A KG BARU
SPG PENYABUNG
86900 ENDAU
JOHOR

Tandatangan Penyelia
Tarikh:

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk ‘Seni Instalasi 3Dimensi: Sejauhmanakah Perkembangannya Di Malaysia’ telah disediakan oleh **Siti Hazira Bt Yusof** dan telah disediakan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(En. Awangko’ Hamdan B. Awang Arshad)

Tarikh:

PENGESAHAN

Adalah dengan ini diakui disertasi bertajuk ‘Seni Instalasi 3Dimensi: Sejauhmanakah Perkembangannya Di Malaysia’ disediakan dan dikemukakan oleh Siti Hazira Bt Yusof sebagai sebahagian dari keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan (kepujian) dalam Program Seni Halus diterima.

Disahkan oleh :

(EN. AWANGKO' HAMDAN B. AWANG ARSHAD)

Tarikh:

Penyelia @ Pensyarah Seni Halus

(EN. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN)

Ketua Program Seni Halus,

Tarikh :

(PROF. MADYA FADZIL B. MOHD ABD. RAHMAN)

Dekan Seni Gunaan dan Kreatif,

Universiti Malaysia Sarawak.

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertasi ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan samada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi yang lain.

(SITI HAZIRA BT YUSOF)

No. Matrik : 11011

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat ilahi, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya maka dapatlah saya menyempurnakan penulisan ilmiah ini. Jutaan terima kasih diucapkan terutamanya kepada penyelia Projek Tahun Akhir iaitu En. Awangko' Hamdan yang tidak lokek untuk berkongsi ilmu. Begitu juga dengan En. Wan Jamarul Imran, En. Anuar, En. Zulkarnain, En. Yakup dan bekas pensyarah Seni Halus iaitu Prof. Madya Fauzan Omar dan En. Shamsu Mohamad kerana sudi memberi tunjuk ajar sepanjang tiga tahun pengajian saya disini.

Ingatan dan tulus ikhlas buat keluarga tercinta terutama ayahanda Hj. Yusof dan bonda Hajah Asmah kerana begitu memahami. Sokongan dan berkat doa yang tidak pernah putus memberi kekuatan kepada anakanda dalam meneruskan perjuangan ini.

Buat teman-teman karib: Kak Wani, Kak Eni, dan Nana, yang bersama-sama membantu dan mengharungi susah payah ini terima kasih diucapkan kerana memahami walaupun korang berlainan fakulti! Buat rakan seperjuangan, senior dan junior yang sudi membantu dan menyumbangkan idea, kalian sentiasa dalam ingatanku. Tidak lupa juga dari orang-orang tersayang yang sentiasa menyokong selama ini, hanya tuhan sahaja dapat membalasnya.

Life is beautiful, sebab itu dalam kehidupan ini ada susah dan senang, ada buruk dan baik, semua itu adalah kehidupan yang seimbang, sebuah kehidupan yang normal. Kita ada mata untuk melihat: pandanglah nikmat kehidupan, kita ada telinga untuk mendengar: dengarlah tentang kebaikan kehidupan, kita ada mulut untuk bercakap: bersuaralah dalam kehidupan, kita ada hati dan perasaan untuk menilai: nilailah erti sebuah kehidupan. Jika kita gunakan segalanya, maka kita akan mensyukuri nikmat kehidupan ini sebelum kita mati...

Kandungan

Muka Surat

Isi Kandungan	i
Abstrak	ii
Bab 1 Pengenalan	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Objektif Penyelidikan	2
1.3 Kenyataan Masalah	2
1.4 Hipotesis	3
1.5 Aliran Kajian	4
Bab 2 Metodologi Kajian	
2.1 Pendekatan Kajian	5
2.2 Kajian Lepas	6
Bab 3 Perbincangan Istilah	14
Bab 4 Karya Peribadi	18
Bab 5 Kesimpulan	25
Bibliografi	27

ABSTRAK

Unsur semulajadi adalah fokus utama dalam penghasilan karya ini. Pengkarya mengambil motif buah kelapa sebagai subjek metafora kehidupan manusia yang bermula dari benih yang baik, jika dicampak ke laut tidak mustahil ianya akan menjadi sebuah pulau. Karya berbentuk seramik hibrid ini ini adalah berdasarkan pengalaman pengkarya pada zaman kanak-kanak. Kepelbagaiannya alat, teknik dan bahan telah dapat menghasilkan satu nilai estetik yang menarik. Oleh yang demikian, diharap pengkajian ini dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap perkembangan seni seramik yang lebih kontemporari.

ABSTRACT

My installation pieces are endeavor of transforming prior memorable childhood experiences with nature into ceramics visuals by engaging the minimalism approach. I employed coconut as a metaphoric subject in reminiscing these wonderful memories into visuals. I hope this research could change the negative perception of our contemporary society toward ceramics.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pembuatan seramik pada zaman prasejarah dan sejarah merupakan diantara sumber pengetahuan untuk mendalami mengenai teknologi dan budaya masyarakat sesuatu zaman. Seramik dihasilkan daripada kombinasi empat elemen alam semesta iaitu tanah, air, api dan udara.

Malaysia juga menghasilkan pelbagai jenis seramik. Tetapi, seramik di semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mempunyai tradisi pembuatan yang agak berlainan. Ini jelas kelihatan dalam bentuk tembikar dan ragam hias pada permukaannya.

Ramai artis Malaysia pada masa kini telah mendekatkan diri dalam pembuatan seramik. Mereka menggunakan pelbagai jenis teknik dalam penghasilan seramik terutamanya dari seni pembuatan dan pembakaran serta mempunyai elemen artistik yang penuh dengan maksud tersirat.

Ciptaan seramik di Malaysia ini sebenarnya adalah hasil seni yang halus. Ia mempunyai nilai tersendiri yang memancarkan rupa dan jiwa kebudayaan Malaysia. Ini kerana dalam proses penciptaan seramik, para artis menggabungkan hati, perasaan dan fikiran mereka untuk menyampaikan kepada audien. Ini kerana apa yang dibentuk oleh tangan digambarkan di dalam fikiran dan akhirnya menghasilkan bentuk-bentuk seramik yang menarik. Dari situ wujud pelbagai corak, bentuk, motif dan warna. Di

antara pendekatan seramik kontemporari ialah instalasi. Pada masa kini seramik instalasi kurang diberi perhatian oleh pengkarya di Malaysia mahupun audien. Oleh demikian, pengkarya mengambil inisiatif untuk menghasilkan karya seramik yang menggunakan pendekatan instalasi.

1.2 Objektif Penyelidikan

Kajian adalah ingin mengutarakan tentang senario yang berlaku terhadap seni tampak khususnya bagi medium seni seramik dalam konteks seni instalasi tanahair. Ini kerana masyarakat pada umumnya masih lagi menganggap seni seramik sebagai objek seni kelas kedua berbanding dengan cabang seni yang lain. Justeru pengkarya cuba menggunakan pendekatan instalasi yang lebih kontemporari bagi memberi persepsi yang baru dan segar kepada masyarakat.

1.3 Kenyataan Masalah

Ungkapan “*less is more*” menjadi perhatian pengkarya dalam menilai unsur minimalisma dalam seramik kontemporari. Masalah kajian ini adalah untuk melihat keindahan jalinan yang minimal, dari segi estetik ke dalam bentuk yang lebih kontemporari. Penggunaan bahan dan teknik menjadi pilihan memandangkan setiap tanah liat mempunyai pelbagai jenis dan daya ketahanan yang berbeza.

Pada kebiasaanya pembakaran seramik juga menggunakan suhu di antara 1000°C - 1200°C . Memandangkan kepelbagai tanah yang berbeza justeru pengkarya memilih

untuk menggunakan suhu sederhana untuk mengurangkan masalah berlakunya keretakan dan pecah.

Di samping itu, pengkarya juga ingin mengubah persepsi terhadap seramik yang masih kurang mendapat perhatian masyarakat berbanding dengan bidang seni yang lain. Kajian ini juga melihat sejauhmana teknik dan kaedah pembuatan seramik pada masa kini boleh menghasilkan seramik yang lebih menarik. Begitu juga dari segi kesesuaian susun atur sesuatu karya yang dipamerkan sama ada ia bersesuaian ataupun tidak.

1.4 Hipotesis

Seiring dengan era globalisasi yang semakin canggih serta sains dan teknologi yang semakin pesat, aliran seni juga tidak ketinggalan dengan memberi nafas baru terutamanya dalam seni instalasi.

- i. Untuk memperlihatkan potensi seramik didalam penghasilan karya seni instalasi seterusnya menaikkan martabat seni seramik seiring dengan bidang seni yang lain.
- ii. Seramik berperanan sebagai medium untuk mewujudkan suatu ruang fikir kepada penonton dan pengkritik.
- iii. Mengetengahkan unsur minimalisma ke dalam seramik kontemporari.
- iv. Mengubah persepsi masyarakat tentang salah tanggapan yang hanya melihat seramik sebagai pasu bunga sahaja iaitu dengan mempelbagaikan pendekatan dalam mempamerkan karya. Lazimnya seramik dipamer menggunakan

pedestal (tempat meletak patung atau ukiran) dan rak yang memperlihatkan karya tersebut kaku.

1.5 Aliran Kajian

Pada awal abad ke-20, unsur-unsur minimalisma telah mula digunakan dalam penghasilan karya seramik kontemporari. Ini disebabkan oleh bentuk yang dihasilkan adalah ringkas dan menampakkan ciri-ciri nilai estetika yang tersendiri. Walaupun pendekatan minimalism telah diletakkan didalam seramik kontemporari, namun elemen-elemen seperti bentuk dan ruang adalah bahasa yang tidak dapat dipisahkan daripada seramik.

Pengkarya memilih aliran minimalisma kerana ianya bersesuaian dengan karya yang dihasilkan iaitu menekankan penggunaan jalinan yang minimal dalam kajian. Selain daripada itu, pengkarya juga mahu menunjukkan jalinan yang abstrak. Jalinan abstrak adalah tindakan semulajadi yang terhasil daripada tindakbalas yang dilakukan oleh artis untuk kepuasan dalam berkarya.

Pengkarya telah memilih gubahan yang bercorak seni abstrak dalam penghasilan karya ini. Seperti kata Rashidah A.Salam dalam Dialog Seni Tampak Moden:

seni abstrak adalah himpunan dan penyatuan warna, garisan atau bentuk yang tidak menerangkan sesuatu bentuk yang dikenali atau boleh dikenal pasti yang berkemungkinan melambangkan objek sebenar yang diubah sehingga tidak dikenali. Seni abstrak menitik beratkan perasaan, luahan idea yang sukar untuk disampaikan melalui bait perkataan.

BAB 2

METODOLOGI KAJIAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian ini adalah kajian tindakan dalam bentuk kualitatif. Ianya lebih banyak kearah perbincangan dan kupasan hasil dari pemerhatian. Sebarang kajian yang hendak dibuat hendaklah memerlukan penyelidikan yang sempurna, teratur dan terperinci. Melalui contoh-contoh karya, pandangan serta keadaan peredaran zaman dibuat melalui kajian yang berdasarkan kepada pendapat dan teori-teori.

Kaedah kajian yang dilakukan adalah melalui data sekunder. Maklumat data sekunder diperolehi melalui pelbagai sumber dengan merujuk buku-buku, majalah, jurnal, perolehan gambar yang berkaitan dengan tajuk pilihan dan temubual. Maklumat yang didapati dari sumber internet juga banyak membantu dan memudahkan kajian.

Pengumpulan data yang seterusnya lebih menjurus pengkajian tentang karya-karya artis dari Malaysia dan menyentuh karya-karya artis dari barat yang tertumpu dalam era pasca-modernisma.


Kaedah yang terakhir ialah melakukan pengubahan maklumat yang diperoleh dari data kepada bentuk karya seni visual.

Dalam proses menghasilkan sesuatu karya, penyelidikan adalah penting bagi menghasilkan karya yang bermutu. Karya yang bermutu ini juga bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat tentang sesuatu isu yang subjektif. Sepanjang

menjalankan kajian ini, pengkarya telah membuat pemerhatian sendiri iaitu dengan melihat perbandingan seni instalasi pada zaman dahulu dan kini.

2.2 Kajian Lepas

Beberapa karya daripada artis dalam dan luar negara telah dikaji dan diselidiki untuk melihat sejauhmana mereka berjaya menyampaikan mesej menerusi karya yang telah dihasilkan. Berikut terdapat beberapa buah karya artis yang telah dijadikan kajian lepas oleh pengkaji. Hasil karya artis yang menjadi rujukan adalah karya yang ada kaitan dengan karya yang dihasilkan oleh pengkarya iaitu seni instalasi.



Imej 1

Ruzaika Omar Bassaree
Dungun Series, 1981
Cat emulsi atas kayu, 171sm x76sm




Imej 2

Hasnul Jamal Saidon
Kdek, kdek, Ong!, 1994 (Perincian)
Instalasi elektronik.



Imej 3
Zulkifli Yusoff
Instalasi
Media Campuran pelbagai saiz, 2005



Imej 4
Hasnul Jamal Saidon
Siri Hijab Nurbaya
Resin, 50x50, 2004




Imej 5

Dr. Razaidi Md Isa

Langkawi : A Local Satire, 1999

Resin

Rak kayu, 6 biji kelapa, kain sarung




Imej 6

Azahar Abdul Manan


September, 1989

Aku Lihat Warisan Yang Hilang, 1989


Intalasi Campuran



Imej 7
Chihuly
Installation, 1995
Nuuhtajarvi, Finland




Imej 8
Chihuly
Niijima Floats, 1992, Seattle Art
Museum Seattle, Washington



Imej 9
Chihuly
Macchia Forest Installation, 1992
Seattle Art Museum, Seattle, Washington




Imej 10
Chihuly
Macchia Installation, 1992
Honolulu Academy of Arts, Honolulu,
Hawaii



Imej 11

Chihuly
Monarch Window, 1994
40' x 22' x 3'



Imej 12

Chihuly
Mexican Plaza Chandelier, 1996
10' x 5', Monterrey, Mexico

Pada mulanya seni instalasi bermula agak lewat di Malaysia berbanding di barat. Diantara pelopor seni instalasi 3dimensi termasuklah Ruzaika Omar Basaree iaitu pada imej 1. karya ini dipilih kerana ianya menonjolkan keaslian ukiran melayu tradisional dan cara beliau mempersembahkannya. Beliau telah mengambil-pakai teknik, unsur-unsur dekorasi, motif-motif serta sensibiliti warna yang diperolehi dari hiasan senibina tradisional Melayu. Oleh yang demikian, pendekatan instalasi yang dibuat telah mewujudkan satu suasana yang serius serta mendatangkan minat untuk mengetahui semula asal-usul Melayu, mengkaji nilai budaya, mitos, lagenda, bentuk seni dan sastera, lunas-lunas estetik, dan teknik seni tampaknya.

Manakala imej 2 pula dipilih kerana susun atur karya tersebut yang berkait dengan isu yang hendak disampaikan oleh artis terbabit. Jika dilihat kepada penggunaan medium elektronik untuk menghasilkan karya, salah seorang artis tempatan iaitu Hasnul Jamal Saidon telah menghasilkan karya pada tahun 1994, ianya menggunakan teknik animasi komputer yang bertajuk *Kdek, Kdek, Ong!*. Karya ini terhasil daripada ketelitian beliau terhadap peribahasa melayu ‘seperti katak bawah tempurung’ bermaksud seseorang yang tidak pernah keluar daripada kepompong atau tempat tinggalnya untuk melihat persekitaran hidupnya yang mengalami perubahan arus kemajuan dari segi budaya, sosial, ekonomi dan politik. Beliau telah menginstalasikan karyanya dengan menggunakan tempurung kelapa sebagai medium untuk memperkuatkan lagi isu yang ingin disampaikan. karya ini telah memberi satu nafas yang baru dari segi teknik instalasi pada ketika itu.

Imej 3 menerangkan tentang pemasangan modular yang menggunakan bahan semulajadi yang terdiri daripada elemen tanah, air dan udara. Setiap gubahan yang digunakan mempunyai sistem ekologi yang berdaya hayat. Beliau memperkenalkan pendekatan instalasi yang baru, iaitu memindahkan karya yang sepatutnya berlokasi berdekatan dengan persekitarannya, tetapi dipamerkan di dalam galeri. Beliau juga menggunakan warna-warna yang interaktif dan saling berkait antara satu sama lain, begitu juga dengan alat sokongan adalah seperti akuarium, rak kayu dan meja. Karya ini dapat mencetuskan suasana seperti audien berada di dalam rumah dan mendatangkan pelbagai persepsi terhadap karya tersebut.

Imej 4 memperlihatkan karya instalasi yang mengundang pelbagai tanggapan dari masyarakat. Aspek pencahayaan merupakan salah satu aspek yang penting dalam karya ini kerana dapat mewujudkan suasana protes, yang menampakkan kekuatan isi kandungan dan diadun dengan penuh serius dan berani bagi merumuskan formula-formula tersendiri di dalam menangani polemik dan kontroversi yang terzahir. Ini kerana, karya terbabit dipamerkan dalam ruang terkepung yang dikelilingi oleh lantai hitam umpama minyak tumpah. Di tengahnya terletak patung seorang wanita memakai telekung, berdiri kaku sambil kakinya tenggelam dalam tong dram yang juga diisi oleh takungan hitam. Tangannya memegang beg membeli-belah yang berantaikan tasbih. Patung ini berlatar pancaran video. Melalui karya ini, pengkarya ingin membawa audien untuk mengamati kehidupan seorang gadis yang suci , tetapi terpaksa meneruskan kehidupan dalam dunia yang penuh pancaroba.

Karya Dr. Razaidi (imej 5) pula, mempunyai persamaan dari segi subjek kajian. Beliau menggunakan kelapa sebagai subjek utama dalam penghasilan karya. Beliau mendapatkan ilham apabila mengambil bahagian dalam program Kem Seni Dan Sains Kebangsaan berjudul “*antara langit dan bumi*”. Pemilihan karya adalah berdasarkan dokumentasi abstrak yang melukis secara simbolik pengalaman di Langkawi. Karya beliau telah dapat menggamit perhatian audien akan ketenangan, keindahan suasana di pantai.

Imej 7 sehingga 12 menjadi sumber rujukan pengkarya kerana karya tersebut mempunyai rekabentuk yang hampir sama dengan hasil yang ingin dilakukan oleh pengkarya. Manakala cara penyusunan karya tersebut menarik perhatian kerana ianya disusun mengikut kesesuaian karya tersebut dengan rekabentuk dan keadaan persekitarannya. Apabila sesebuah karya dihasilkan bersesuaian dengan persekitaraannya, mesej yang ingin disampaikan kepada audien itu tercapai dan secara tidak langsung komunikasi seni itu berlaku.

BAB 3

PERBINCANGAN ISTILAH

Bidang kesenian merupakan salah satu daripada cerminan budaya dalam sesebuah tamadun. Cerminan ini menonjolkan sesuatu nilai dan simbol kepada bangsanya. Banyak definisi yang dapat diberikan apabila memperkatakan soal seni. Seni lahir dari daya imeginasi, idea-idea, pendidikan, pengetahuan, inspirasi dan pengalaman yang dirakam untuk dihayati dan dipersembahkan. Justeru itu, mungkin hanya pengkarya sahaja yang dapat mengerti makna dan tujuan yang tersirat disebalik karyanya.

Sesuatu karya bukan sekadar untuk dihayati hiasan dan sifat keindahan luarannya semata-mata, tetapi merupakan satu bahasa seni yang unik untuk difahami. Seni juga merangkumi pelbagai bidang seperti sosiologi, falsafah, politik, ekonomi, keagamaan, sains dan teknologi. Melalui karya seni, manusia boleh mengenali budaya, alam dan masyarakatnya.

Seni instalasi juga dikenali sebagai *seni pemasangan*. Ia merupakan satu bentuk seni yang baru di Malaysia iaitu berlaku melalui karya “Dungun Series” oleh Ruzaika Omar Bassaree pada tahun 1981 . Walaupun tidak direkodkan secara tepat, seni ini terhasil daripada pelbagai disiplin yang merangkumi ruang lingkup, kebendaan, masa, deria rasa, sentuhan, seni bina dan seni persembahan. Seni instalasi ini sebenarnya bertindak mengajak penonton untuk merasai pengalaman pengkarya dan apabila pengalaman ini ‘bertemu’ dalam proses penghayatan, penonton dapat memahami karya yang ingin disampaikan maka komunikasi seni akan tercapai matlamatnya.